

Sidang Ketua Negara Komanwel

Mahathir belum pasti hadir

BH 22 AUG 1985

KUCHING, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau belum membuat keputusan sama ada mahu menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel di Nassau, Bahamas, pertengahan bulan depan.

"Saya belum membuat keputusan mengenai perkara itu," jelas beliau apabila diminta mengulas mengenai dakwaan pihak-pihak tertentu

bahawa beliau mungkin tidak menghadiri persidangan itu.

Laporan agensi-agensi berita asing mengatakan beliau tidak mahu menghadiri persidangan itu atas sebab-sebab tertentu.

Menurut sumber-sumber Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri, antara acara rasmi yang penting bagi Perdana Menteri sepanjang dua bulan ini, termasuk persidangan itu dan Persi-

dangan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, awal bulan depan.

"Sehingga hari ini kami belum diberitahu oleh Jabatan Perdana Menteri sama ada Perdana Menteri akan menghadiri persidangan Komanwel atau tidak," kata sumber-sumber itu.

Sumber-sumber itu tidak menafi atau mengesahkan bahawa ketika Menteri Luar Bahamas, Encik Clement Maynard, ke negara ini Julai

lalu, selain membincangkan isu-isu biasa, beliau juga memujuk Datuk Seri Dr Mahathir supaya menghadiri persidangan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir tidak menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel sebelum ini di Australia.

Pada tahun 1981, Perdana Menteri pernah mengumumkan pendirian beliau tidak berminat menghadiri persidangan itu kerana pada

pendapatnya, ia membazirkan masa dan tenaga.

Jika Perdana Menteri mengambil keputusan tidak mahu menghadiri persidangan itu, Malaysia akan diwakili oleh Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen.

Lawatan

Sumber-sumber berkata Datuk Seri Dr Mahathir kini menumpukan perhatian mengadakan persiapan lawatannya ke China November ini, yang dianggap sebagai usaha terbesar Malaysia untuk mempertingkatkan lagi hubungan dagang dengan republik itu.

Perdana Menteri juga enggan menjawab pertanyaan sama ada beliau telah membuat keputusan untuk menghadiri Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York.